

Konsep beraya di rumah cara terbaik elak jangkitan

Pakar kesihatan minta masyarakat amal kesedaran sosial tinggi ketika Aidilfitri

Kuala Lumpur: Masyarakat perlu mempraktikkan kesedaran sosial yang tinggi pada musim perayaan Aidilfitri tahun ini, bagi membendung penularan COVID-19.

Biarpun kerajaan sudah menetapkan peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) bagi ziarah sempena Aidilfitri, konsep duduk di rumah ialah cara terbaik menangani penularan virus terabit.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hayati Kadir Shahar, berkata tuan rumah wajar berterus terang jika enggan menerima kehadiran tetamu.

“Tetamu pula harus bersikap terbuka dan saling memahami bahawa Syawal kali ini bukan untuk ziarah-menziarahi seperti tahun sebelumnya. Keselamatan dan kesihatan diri, keluarga dan orang lain serta komuniti menjadi keutamaan buat masa sekarang.”

“Sekiranya tuan rumah menerima juga kehadiran tetamu, warga tua yang ada di kediaman berkenaan tidak harus berada dalam ruang sama dengan tetamu kerana mereka yang berisiko dijangkiti COVID-19,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Dr Hayati berkata, langkah terbaik yang boleh dilakukan bagi menggantikan ziarah ialah menggunakan teknologi dan media sosial tanpa perlu bersemuka secara berdepan, sekali gus mengurangkan risiko dijangkiti COVID-19.

Pakar epidemiologi, Dr Mohd Rodi Isa pula berkata, SOP yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) sudah baik dan perkara utama yang perlu dilakukan



Langkah terbaik boleh dilakukan bagi menggantikan ziarah ialah gunakan teknologi dan media sosial tanpa perlu bersemuka secara berdepan.

Dr Hayati Kadir Shahar,
Pakar Kesihatan Awam
(Epidemiologi dan Biostatistik)
UPM

masyarakat ialah mematuhi peraturan itu.

“Memang ada SOP, tetapi jika masyarakat tidak diperkasakan, SOP itu hanya jadi sia-sia dan akhirnya mereka tidak ikut peraturan ditetapkan, sekali gus menyebabkan penularan COVID-19 berlaku,” katanya.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Dr Hanafiah Bashirun, menegaskan rakyat perlu patuh kepada arahan duduk di rumah walaupun ada kebenaran untuk berziarah pada hari raya pertama.

“Usaha yang dilakukan kerajaan ketika ini untuk mengurangkan keberangkalan jangkitan COVID-19 dan sebab itu kita harus akur dengan peraturan ditetapkan.”

“Jika hendak datang berziarah pada raya pertama, hubungi terlebih dahulu tuan rumah untuk memaklumkan yang kita akan datang ke rumahnya, manakala tuan rumah berhak untuk menolak kehadiran tetamu bagi mengelak risiko dijangkiti COVID-19,” katanya.



Memang ada SOP, tetapi jika masyarakat tidak diperkasakan, SOP itu hanya jadi sia-sia dan akhirnya mereka tidak ikut peraturan ditetapkan, sekali gus menyebabkan penularan COVID-19 berlaku.

Dr Mohd Rodi Isa,
Pakar epidemiologi